

# Rakyat digesa guna akal fikiran timba kekayaan

MM 4 AUG 1985

NIBUNG TEBAL 3

Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata rakyat hendaklah menggunakan akal fikiran untuk mencari jalan bagi menimba kekayaan dengan mengeksploit sepenuhnya sumber-sumber yang ada pada mereka.

Katanya, walaupun sumber itu kelihatan tidak berfaedah ianya hendaklah diusahakan dengan menggunakan akal, tenaga dan keupayaan mereka supaya mendatangkan hasil kerana apa yang dikurniakan oleh Tuhan sudah tentu mempunyai hikmahnya.

"Kalau kita hanya duduk saja, sedih hingga mengalir air mata mengenangkan nasib kita yang miskin, apakah mungkin kita mendapat kekayaan," katanya semasa berucap kepada lebih 5,000 orang ketika melawat projek pembangunan tanah bersepadu Sungai Chena'am di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, kalau mereka tidak boleh berfikir atau tidak mempu-

nyai pelajaran mereka hendaklah mencari orang-orang yang terpelajar dan mempunyai ilmu di kalangan mereka yang boleh memberikan buah fikiran.

Beliau berkata, rakyat hendaklah bertanya diri mereka sendiri adakah mereka benar-benar berusaha sepenuhnya untuk memisahkan diri mereka daripada belunggu kemiskinan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau yakin memang ada cara-cara yang boleh menolong rakyat mencari kekayaan asalkan mereka berusaha memikirkannya.

Menurut beliau, adalah tidak penting sekiranya sumber yang ada pada mereka itu tidak sesuai tetapi apa yang lebih penting ialah mereka berusaha memeras kekayaan daripada sumber itu.

Beliau berkata, dulu memang tidak sesiapa terfikir bahawa kayu getah boleh digunakan untuk perkara lain selain dijadikan kayu

api dan arang. Tetapi kini, kayu getah boleh diperbuat perabot yang cantik," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan rakyat tidaklah lagi boleh "hanya merenung dan menengok bulan, bintang dan matahari dan kemudian terus terlenu tanpa berusaha apa-apapun.

Katanya, mereka hendaklah melihat bukan saja alam semesta yang dijadikan Tuhan untuk mereka tetapi hendaklah juga berfikir fihak di sebalik kejadian itu.

Perdana Menteri juga berkata, peluang-peluang seperti kemudahan dan modal yang diperolehi melalui desakan-desakan politik adalah bersifat sementara sahaja dan ia tidak memberi manfaat yang sebenar sekiranya rakyat sendiri tidak bersungguh-sungguh berusaha mendapatkannya.

Menurutnya, kerajaan memanglah mempunyai tanggungjawab membantu rakyat tetapi itupun bergantung kepada keupayaannya.